

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	09 JUNE 2016

Bantuan khas bukti kerajaan prihatin

BH - 9/6/2016

→ PM umum pemberian kepada 1.6 juta penjawat awam mulai 13 Jun

Oleh Mohd Zulkifli
Zainuddin
mohd.zulkifli@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menyifatkan pemberian Bantuan Khas Kewangan RM500 untuk 1.6

juta kakitangan awam sempena Aidilfitri sebagai tanda prihatin kerajaan terhadap sumbangan mereka.

Presidennya, Datuk Azih Muda bersyukur dengan pengumuman awal yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak walaupun dalam keadaan ekonomi negara ketika ini tidak menentu.

“Pemberian Bantuan Khas Ke-

wangan RM500 kepada penjawat awam dan RM250 untuk pesara sebagai persiapan menyambut Aidilfitri adalah khabar gembira.

“Bantuan ini dapat membantu mengurangkan beban perbelanjaan penjawat awam sepanjang Ramadan dan Aidilfitri nanti,” katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas pengumuman Perdana Menteri semalam pemberian Bantuan Khas Kewangan RM500 kepada 1.6 juta penjawat awam sebagai persiapan menyambut Aidilfitri.

Dalam kenyataan di sini, Najib berkata, bantuan khas RM250 akan

turut dinikmati 743,000 pesara kerajaan.

Pembayaran bantuan khas membabitkan anggaran peruntukan kewangan RM1 bilion akan dibuat pada 13 Jun ini, katanya.

“Kerajaan berharap pemberian bantuan khas ini dapat meringankan beban kewangan penjawat awam dan pesara bagi persiapan Aidilfitri,” kata Perdana Menteri.

Najib juga menarik perhatian bahawa penjawat awam akan menikmati satu kenaikan gaji tahunan (KGT) pada Julai ini membabitkan anggaran implikasi kewangan RM1.1 bilion.

Info

→ **Bantuan Khas Kewangan RM500** untuk Aidilfitri diberikan sejak 2009

→ **231 jenis elaun perkhidmatan awam** disediakan untuk kakitangan kerajaan